

24 FEB 2003

NAM-Abdullah

ABDULLAH JAMIN HUBUNGAN LUAR DGN NEGARA-NEGARA SELATAN

KUALA LUMPUR, 24 Feb (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata dasar hubungan luar Malaysia dengan negara-negara membangun khususnya negara-negara Selatan akan diteruskan walaupun kepimpinan Malaysia akan bertukar selepas Oktober nanti.

Beliau berkata ia kerana dasar yang diamalkan sekarang adalah dasar yang ditetapkan oleh parti yang memerintah dan bukan dasar yang dibuat oleh seorang pemimpin sahaja.

"Walaupun nanti akan ada perubahan kepimpinan tapi dasar parti dan kerajaan akan diteruskan kerana kita memang ingin mewujudkan kerjasama, terutama antara negara-negara yang sedang membangun dan kita mahu menjayakan apa yang kita kenali sebagai Kerjasama Selatan-Selatan," katanya kepada pemberita selepas menerima kunjungan beberapa pemimpin negara yang menghadiri Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) ke-13 di sini, hari ini.

Abdullah menerima kunjungan Presiden Djibouti Ismail Omar Guelleh, Pengerusi kepada Majlis Penasihat Presiden Nigeria Chief Emeka Anyaoku, Menteri Luar Peru Allan Wagner dan Naib Presiden Seychelles James Michel.

Katanya kesemua pemimpin berkenaan menyuarakan hasrat masing-masing mahukan hubungan baik yang wujud antara Malaysia dan negara mereka diteruskan apabila beliau mengambil alih kepimpinan kerajaan daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan bersara nanti.

"Mereka gembira kerana selama ini hubungan Malaysia dengan negara mereka adalah baik, kepimpinan Dr Mahathir disanjung dan mereka berharap supaya saya nanti juga dapat meneruskan usaha-usaha baik itu serta memperluaskan hubungan dua hala dalam pelbagai bidang yang boleh membantu memajukan kerjasama antara mereka dan Malaysia," katanya.

Selain itu, katanya, mereka juga menerima Malaysia sebagai sebuah pusat pengajian tinggi yang unggul dan mahukan negara ini menyediakan lebih banyak ruang untuk pelajar mereka mendapatkan pendidikan tinggi di sini.

Mengenai permintaan khusus pula, Abdullah berkata Chief Anyaoku menyuarakan hasrat meminta Malaysia menghulurkan bantuan untuk membangunkan Pusat Selatan agar perannya sebagai salah satu suara negara-negara Selatan dapat dipertingkatkan.

Beliau berkata perkara itu akan dibincangkan dengan Dr Mahathir kerana Malaysia juga ingin melihat usaha-usaha baru yang akan dijalankan oleh pusat itu bertepatan dengan situasi dunia sekarang.

"Kita sudah tentu mahu supaya suara Selatan dapat didengar. Kita mahu supaya negara membangun akan dapat mengambil kesempatan daripada Pusat Selatan itu untuk menyuarakan pandangan mereka tentang banyak isu yang ada hari ini," katanya.

Dalam pada itu katanya, selain memperbaharui saluran sedia ada, negara-negara Selatan juga harus mencari saluran-saluran baru bagi menyuarakan pandangan masing-masing agar pendapat negara membangun tidak dipinggirkan begitu sahaja.

Abdullah juga tidak menolak adanya peluang untuk Malaysia bekerjasama dengan Pusat Selatan itu dari segi khidmat nasihat, misalnya melalui institusi-institusi strategik negara ini seperti Institut Kajian Strategi dan Antarabangsa (ISIS).

-- BERNAMA

NM MFJ ROS